

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
PROGRAM IFTAR STAF
PEJABAT PENOLONG REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

24 MAC 2025 | ISNIN | 5.15 PETANG
AUDITORIUM KHALID YUSUFF 1 &
LOBI FAKULTI PERUBATAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS SUNGAI BULOH

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Profesor Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf
Penolong Rektor
Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan

YBrs. Profesor Dr Sazzli Shahlan Kasim
Pengarah Cardiovascular Advancement and
Research Excellence (CARE Institute)

YBrs. Profesor Dr Fazah Akhtar Hanapiah

Dekan Fakulti Perubatan

YBrs. Profesor Madya Dr. Mas Suryalis Ahmad

Dekan Fakulti Pergigian

Al-Fadhil Ustaz Khairul Azwad Ibrahim

Penolong Pendaftar Hal Ehwal Islam

Selaku Penceramah Jemputan

Barisan Timbalan-timbalan Dekan

Barisan Jawatankuasa Pengurusan Kampus

UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh

Barisan Timbalan-timbalan Dekan

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul bagi meraikan **Majlis Berbuka Puasa Staf Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan.**
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan kampus, seluruh jawatankuasa dan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

3. Saya melihat penganjuran program ini sebagai satu cerminan semangat kebersamaan, komitmen yang tinggi, serta usaha gigih, dalam menjayakan inisiatif yang sangat bermakna.
4. Saya amat berbangga dengan penyertaan dan komitmen semua staf yang bukan sahaja cekal dalam melaksanakan tugas hakiki tetapi turut mengambil peluang untuk mengimarahkan bulan Ramadan dengan aktiviti yang bermanfaat.

Hadirin yang saya hormati,

5. Bulan Ramadan bukan sahaja bulan untuk kita menunaikan ibadah puasa, tetapi juga peluang untuk kita memperkukuhkan ukhwah, menguatkan nilai kebersamaan, serta membudayakan amalan infak dan sedekah.

6. Dalam semangat Ramadan ini, saya dimaklumkan bahawa Kampus Sungai Buloh telah memulakan kutipan infak bagi menaik taraf infrastruktur Surau Az-Zahrawi, termasuk menggantikan karpet baharu demi keselesaan bersama.
7. Usaha ini merupakan satu inisiatif yang amat baik dalam memastikan ruang ibadah yang lebih selesa untuk seluruh warga kampus.
8. Saya yakin, selain bertujuan meningkatkan kualiti infrastruktur, inisiatif ini juga memupuk nilai ihsan dalam diri kita sebagai warga UiTM.
9. Semoga setiap sumbangan yang dihulurkan akan mendapat ganjaran berlipat ganda daripada Allah SWT. – insyaAllah.

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua warga kampus agar terus menghidupkan budaya cintakan ilmu.
11. Semoga dengan menghadiri tazkirah dan kuliah agama yang dianjurkan, kita dapat meningkatkan kefahaman dan ketakwaan kepada Allah SWT.
12. Semoga Ramadan ini membawa keberkatan kepada kita semua dan segala usaha serta pengorbanan kita diterima di sisi Allah SWT.
13. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus dalam penganjuran program ini.

Majlis berbuka penuh barakah,
Juadah enak dihidang meriah.
Majlis dimula dengan tazkirah,
Hati tenang, jiwa bersyahadah.

14. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Berbuka Puasa Staf Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang, dan Teluk Intan.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**